

19/03/2000

Berakhirnya kekejaman PKM

Che Rani Che Din

SEBUT saja komunis, sudah tentu ramai yang mengimbas kembali peristiwa pemberontakan komunis yang melanda negara sepanjang 41 tahun sejak 1948. Dalam tempoh itu, ribuan nyawa terkorban, banyak harta benda musnah dan menelan sebahagian besar daripada belanjawan tahunan.

Justeru, perjuangan secara perang gerila selama 41 tahun yang berpangkalan di pedalaman sempadan Thailand menjadi perang berpanjangan bagi PKM.

PKM juga turut menentang pemerintahan Jepun dan kemudian penjajahan Britain. Tetapi, penentangan terhadap Malaysia pula lebih kepada ideologi mereka dikatakan berlainan dan tidak dapat diterima oleh masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Mereka terpaksa melanjutkan perjuangan secara bersenjata bagi mencapai hasrat dan matlamat berkenaan.

Dengan pengisytiharan darurat mulai 1948 hingga 1960, pergerakan dan aktiviti ekonomi rakyat terpaksa disekatkan sepanjang 12 tahun apabila perintah berkurung dikenakan di beberapa tempat di Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.

Usaha menghapuskan perjuangan PKM terus dipertingkatkan dengan menggelar mereka sebagai pengganas, gerila, musuh negara dan sebagainya, sehingga komunis di peringkat antarabangsa menerima pukulan teruk.

'Tirai Besi' jatuh satu persatu, tembok Berlin roboh, Hungary mula menyusun semula ekonominya dan pasaran bebas menjadi pilihan utama sebagai sistem perdagangan global.

Di Malaysia, pengaruh komunis tempatan dengan Beijing mula berkecai apabila hubungan diplomatik dijalin dengan China. Bekas Perdana Menteri China, Deng Xiaping menyifatkan secara terbuka bahawa masalah komunis di Malaysia adalah 'perkara dalaman'.

Kerana beberapa perbezaan di kalangan pimpinan komunis sendiri, kumpulan yang 'tidak setuju' dengan PKM mula muncul, antaranya kumpulan Marxist-Leninist.

Di sempadan Thailand terdapat satu pasukan bersenjata yang menjadikan Malaysia sebagai musuhnya. Oleh itu, usaha mententeramkan sempadan Malaysia-Thailand diberi keutamaan kerana jika kawasan berhampiran sempadan dimajukan, ia akan menguntungkan kedua-dua pihak.

Selepas ancaman daripada Parti Komunis Thailand dan Pattani United Liberation Organization (PULO) berjaya ditangani dengan memberi pengampunan, kerajaan Thailand memberi perhatian pula terhadap PKM.

Thailand melipatgandakan usaha mulai awal 1987 dan bagi tempoh awal Mac hingga akhir April tahun berkenaan, seramai 653 anggota komunis termasuk anggota satu kumpulan Marxist-Leninist menyerah diri kepada Tentera Kawasan Ke-Empat di selatan Thailand.

Penyerahan diri secara besar-besaran itu menambah lagi keyakinan tentera dalam usaha menangani anggota komunis. Pihak tentera terus menjalankan operasinya untuk memaksa baki anggota kumpulan Marxist yang dianggarkan antara 850 hingga 880 orang lagi menyerah diri.

Menurut satu laporan akhbar pada 1987, Ketua Markas Lima Tentera Ke-Empat waktu itu, Mejar Jen Kittti Rattanachaya, dilaporkan berkata pihaknya menjalankan operasi sedemikian di daerah Sukhirin, Narathiwat berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

Ketua Tentera Ke-Empat waktu itu, Komander Visit Artkhomawong, berkata hasrat utama mereka adalah untuk menamatkan perjuangan bersenjata PKM memandangkan ianya menyebabkan kehilangan wang dan nyawa. Tindakan itu

juga bagi mengambil alih kawalan sepenuhnya kawasan mempunyai potensi ekonomi dan kemudian memperkukuhkan kedaulatan negara di situ.

Berikutan itu, seramai 600 komunis bersenjata daripada Rejimen 8 dan Rejimen 12 di daerah berkenaan menyerah diri kepada tentera Thailand apabila pengampunan diberikan oleh kerajaan pimpinan Perdana Menteri Prem Tisulolanda.

Sementara itu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik usaha pihak Thailand. Sewaktu merasmikan pembukaan Sekolah Rendah Tunku Bendahara di Kodiang, Kedah pada April 2, 1987, beliau berkata satu perutusan tahniah dan terima kasih dihantar kepada Perdana Menteri Thailand di atas kejayaan menamatkan perjuangan bersenjata komunis.

Pada waktu sama, di satu kawasan pedalaman di Betong, satu majlis diadakan untuk menyambut penyerahan oleh komunis. Rakaman video menunjukkan barisan anggota komunis dalam pakaian seragam dan bertopi 'bintang' dengan muka bersenyum, melafaz ikrar di depan bendera, gambar raja dan permaisuri Thailand.

Komander Visit pula melekatkan bunga ros di atas baju setiap bekas anggota komunis dan upacara itu diikuti oleh pertemuan dan perbualan persahabatan bersama anggota tentera, polis dan pegawai Thailand. Keikhlasan pihak Thailand mencerminkan sikap 'maaf dan lupa' mereka. Selepas berperang selama 41 tahun, lawan lama kini menjadi kawan baru.

Maka, satu rangkaian sudah bermula bagi ramai lagi anggota komunis yang menamatkan perjuangan bersenjata mereka dan kejayaan setakat itu menguatkan lagi keyakinan pihak Thai.

Di samping itu, peristiwa dan perkembangan berkenaan turut memberi perangsang kepada komunis yang lain - termasuk pengerusi PKM sendiri. Bercakap kepada Berita Harian ketika ditemui pada Julai tahun lalu, Abdullah CD berkata: "Saya menghantar satu perutusan tahniah kepada (Tun) Ghafar Baba sempena pelantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1988 - kerana saya sentiasa memerhatikan beliau."

Katanya, berikutan ini, seorang sahabat karib Ghafar, Mokhtar Mahmud Baginda datang melawat markas Rejimen 10 dengan mencadangkan susulan untuk mengadakan perundingan.

Beliau berkata: "Saya menulis surat bertarikh 25 Jun 1987 kepada Ghafar melalui Mokhtar dengan membentangkan masalah perjuangan bersenjata serta masalah PKMM serta PKMRM sebagai bahan perbincangan."

Ghafar membalas surat itu pada September 7 1987 dengan bersetuju mengadakan perundingan dengan PKM. Maka bermulalah rangkaian perundingan, kata Abdullah.

"Pihak Thailand mengaturnya mesyuarat pertama pada Mei 24 1988 di Haadyai dengan diikuti mesyuarat kedua di Pulau Pinang pada 10 dan 11 Ogos 1988. Mesyuarat ketiga di Haadyai dan keempat hingga ketujuh di Phuket dengan bilangan agenda serta anggota meningkat setiap kali bermesyuarat," kata bekas Ketua PKM itu.

Ditanya mengenai peringkat kemajuan sewaktu perundingan, sambil tersenyum beliau berkata, "Dalam setiap perundingan memang ada yang memberi dan yang menerima ... tidak harusnya ada sebarang rasa takut ... yang penting adalah keikhlasan dan sikap bertolak ansur."

Dua anggota tentera Thailand yang terbabit secara langsung dalam perundingan sejak dari mula ialah Kol Wara dan Lt-Kol Akenik, kata Abdullah samping memuji peranan kedua-dua mereka dalam proses perundingan itu.

Maka, permusuhan dan perjuangan bersenjata yang berpanjangan selama 41 tahun yang menyebabkan banyak kehilangan nyawa dan harta benda akhirnya menjadi sejarah apabila tercapainya perdamaian.

Tarikh majlis menandatangani perjanjian perdamaian berlangsung di

Haadyai, Selatan Thailand pada 2 Disember 1989. Pertemuan bersejarah itu bermula pada 10.30 pagi dan berlangsung selama 30 minit di tingkat 12, Hotel Lee Gardens, Haadyai.

Maka, berakhirnya perjuangan bersenjata selama 41 tahun dengan anggota PKM melafazkan ikrar taat setia Yang di-Pertuan Agong serta perlembagaan dan undang-undang Malaysia.

"Sebagai rakyat Malaysia, kami berikrar kesetiaan kami terhadap Yang di-Pertuan Agong dan negara Malaysia," kata setiausaha agung PKM, Chin Peng selepas menandatangani dua perjanjian dengan Malaysia dan Thailand.

Salah satu perjanjian adalah di antara PKM dan Kerajaan Thailand manakala satu lagi di antara PKM dan Kerajaan Malaysia. Chin Peng tiba dari wilayah Guang Zhaou di China pada Oktober 1989 untuk membuat persiapan upacara bersejarah itu.

Majlis menandatangani perjanjian turut disaksikan oleh 120 pegawai kerajaan Malaysia dan Thailand. Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri Kawasan Empat (Selatan Thailand) Lt-Jen Yoothana Yaampundhu menandatangani perjanjian bagi pihak Thailand manakala Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Malaysia, Datuk Wan Sidek Wan Abdul Rahman bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas majlis itu menyebut bekas komunis memberi jaminan terhadap undang-undang Malaysia dan Thailand serta turut menyertai segala kegiatan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negara.

Perwakilan Malaysia turut disertai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Kamil Jaffar; Ketua Turus Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Mohd Hashim Mohd Ali; dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Perwakilan PKM pula terdiri daripada pengerusinya, Abdullah CD; ahli jawatankuasa pusat PKM Rashid Maidin; Wu Yi-Shek; Chan Ying dan isteri Abdullah, Suriani Abdullah.

(END)